



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 9 / 2009
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENINGKATAN UMUR PERSARAAN WAJIB BAGI WARGA
PERKHIDMATAN AWAM DALAM SKIM TABUNG AMANAH PEKERJA (TAP)

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka adalah dengan ini dimaklumkan bahawa umur persaraan wajib warga perkhidmatan awam dalam skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) akan ditingkatkan daripada 55 tahun kepada 60 tahun. Peraturan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2010** dengan beberapa penerangan seperti berikut:

1. Umur persaraan wajib adalah pada **genap umur 60 tahun** menurut perkiraan kalender masihi.
2. Pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam dalam Skim Tabung Amanah Pekerja (TAP) boleh memohon untuk menamatkan perkhidmatan pada bila-bila masa dengan menghadapkan permohonan **sekurang-kurangnya tiga (3) bulan notis secara bertulis** sebelum tarikh menamatkan perkhidmatan kepada Ketua-Ketua Jabatan masing-masing, siapa yang akan menghadapkan permohonan tersebut kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Walau bagaimanapun, pertimbangan terhadap permohonan tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - a. Pegawai atau kakitangan tersebut tidak mempunyai baki ikat janji perkhidmatan (*bond*), kecuali ia bersedia untuk membayar balik ikat janji tersebut;
 - b. Pegawai dan kakitangan tersebut bersedia untuk menyelesaikan segala hutang piutang dengan Kerajaan, pada misalannya hutang pinjaman kenderaan atau membina rumah; dan
 - c. Tertakluk kepada apa jua undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.
3. Peningkatan umur persaraan wajib ini **tidak akan melibatkan pegawai dan kakitangan Kerajaan dalam Skim Perkhidmatan Berpencen**.



- 2 -

Sekianlah sahaja yang dapat disampaikan pada menjunjung titah perintah
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-
Pertuan Negara Brunei Darussalam.

[AWANG SA BALI BIN ABAS]

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan, BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (9) JPM/SK/2009

Tarikh : 20 Syaaban 1430 / 11 Ogos 2009